



11 Disember 2023
11 December 2023
P.U. (A) 374

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE

PERINTAH PENGHASILAN BERSIH PERJANJIAN
KEWANGAN (PERJANJIAN KEWANGAN YANG LAYAK
YANG DITETAPKAN DAN TRANSAKSI KEWANGAN YANG
LAYAK YANG DITETAPKAN) 2023

*NETTING OF FINANCIAL AGREEMENTS (PRESCRIBED
QUALIFIED FINANCIAL AGREEMENT AND PRESCRIBED
QUALIFIED FINANCIAL TRANSACTION) ORDER 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGHASILAN BERSIH PERJANJIAN KEWANGAN 2015

PERINTAH PENGHASILAN BERSIH PERJANJIAN KEWANGAN
(PERJANJIAN KEWANGAN YANG LAYAK YANG DITETAPKAN DAN
TRANSAKSI KEWANGAN YANG LAYAK YANG DITETAPKAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 6(1)(a) dan (c) Akta Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2015 [*Akta 766*], Menteri, atas syor Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan (Perjanjian Kewangan yang Layak yang Ditetapkan dan Transaksi Kewangan yang Layak yang Ditetapkan) 2023**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 18 Disember 2023.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“aset” ertinya komoditi atau apa-apa harta lain, sama ada ketara atau tidak ketara, yang diiktiraf oleh Shariah sebagai yang bernilai, boleh dikenal pasti, boleh diserahkan, dan yang sudah sedia wujud dan dimiliki oleh penjual;

“Murabahah bercagar” ertinya transaksi patuh Shariah yang terdiri daripada—

(a) jual beli aset oleh penjual kepada pembeli atas terma pembayaran tertunda apabila kos perolehan dan keuntungan dizahirkan kepada pembeli sebelum atau semasa transaksi jual beli itu dibuat; dan

(b) apa-apa perjanjian atau perkiraan yang berfungsi sebagai cagaran kewangan untuk menjamin kewajipan pembayaran yang berbangkit daripada transaksi jual beli aset di bawah perenggan (a);

“transaksi patuh Syariah” ertinya suatu transaksi yang mematuhi apa-apa keputusan Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 51 Akta Bank Negara Malaysia 2009 [*Akta 701*] atau apa-apa keputusan Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 31Z1 Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 [*Akta 498*].

Perjanjian kewangan yang layak yang ditetapkan

3. Suatu perjanjian atau suatu set perjanjian yang mengandungi peruntukan penghasilan bersih berkenaan dengan suatu transaksi yang ditetapkan sebagai suatu transaksi kewangan yang layak di bawah perenggan 4 ditetapkan sebagai suatu perjanjian kewangan yang layak.

Transaksi kewangan yang layak yang ditetapkan

4. Murabahah bercagar ditetapkan sebagai suatu transaksi kewangan yang layak.

Dibuat 6 Disember 2023
[BNM/JUN/1119/11/169; PN(PU2)731]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 6(2) Akta Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2015]

NETTING OF FINANCIAL AGREEMENTS ACT 2015

NETTING OF FINANCIAL AGREEMENTS (PRESCRIBED QUALIFIED FINANCIAL AGREEMENT AND PRESCRIBED QUALIFIED FINANCIAL TRANSACTION) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 6(1)(a) and (c) of the Netting of Financial Agreements Act 2015 [Act 766], the Minister, on the recommendation of the Central Bank of Malaysia, the Securities Commission, the Malaysia Deposit Insurance Corporation and the Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Netting of Financial Agreements (Prescribed Qualified Financial Agreement and Prescribed Qualified Financial Transaction) Order 2023**.

(2) This Order comes into operation on 18 December 2023.

Interpretation

2. In this Order—

“asset” means commodity or any other property, whether tangible or intangible, that is recognized by Shariah as valuable, identifiable, deliverable, and is already in existence and owned by the seller;

“collateralised Murabahah” means Shariah compliant transactions which comprise—

(a) sale and purchase of an asset by a seller to a purchaser on a deferred payment term where the acquisition cost and the profit are disclosed to the purchaser before or at the time of entering into the sale and purchase transaction; and

- (b) any agreement or arrangement which serves as financial collateral to secure the payment obligation arising from a transaction of sale and purchase of an asset under paragraph (a);

“Shariah compliant transaction” means a transaction that complies with any ruling of the Shariah Advisory Council established under section 51 of the Central Bank of Malaysia Act 2009 [Act 701] or any ruling of the Shariah Advisory Council established under section 31Z1 of the Securities Commission Malaysia Act 1993 [Act 498].

Prescribed qualified financial agreement

3. An agreement or a set of agreements with a netting provision in respect of a transaction prescribed as a qualified financial transaction under paragraph 4 is prescribed as a qualified financial agreement.

Prescribed qualified financial transaction

4. Collateralised Murabahah is prescribed as a qualified financial transaction.

Made 6 December 2023
[BNM/JUN/1119/11/169; PN(PU2)731]

ANWAR BIN IBRAHIM
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 6(2) of the Netting of Financial Agreements Act 2015]